

Buluh berpotensi menjadi alternatif tanaman negara, masih berdepan cabaran pelaksanaan



Oleh: Noor Eszereen Juferi

SERDANG, 15 Mei – Industri buluh di Malaysia dikenal pasti mempunyai potensi besar sebagai salah satu sumber ekonomi baharu negara, namun usaha pelaksanaannya masih berada pada peringkat awal dan berhadapan dengan pelbagai cabaran teknikal serta struktur.

Menurut *Country Report on Bamboo Resources 2005*, sebanyak 67 spesies buluh telah dikenal pasti di Malaysia, menjadikan tumbuhan ini sebagai sumber yang berpotensi untuk dikembangkan secara komersial. Selain fungsi hiasan, buluh mempunyai nilai guna tinggi dalam sektor pembinaan, pertanian, makanan, kraftangan, serta pemuliharaan alam sekitar.

Pensyarah Jabatan Sains Perhutanan, Fakulti Sains Pertanian dan Perhutanan, Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB), Prof. Madya Dr. Ong Kian Huat berkata, penggunaan buluh dalam kehidupan manusia telah direkodkan sejak lebih 4,000 tahun lalu, khususnya dalam pembinaan asas, sistem saliran dan pembuatan peralatan harian.

“Dalam konteks moden, penggunaan buluh boleh dibahagikan kepada dua dimensi utama, iaitu sosio-ekonomi dan persekitaran. Dari segi sosio-ekonomi, buluh digunakan dalam pembuatan bahan binaan, pulpa dan kertas, makanan seperti rebung, serta penghasilan perabot dan produk kraf,” katanya.



Tambah beliau, dari sudut persekitaran, penanaman buluh berperanan dalam penyimpanan karbon, pengawalan hakisan tanah, pemuliharaan biodiversiti serta menyumbang kepada aktiviti ekopelancongan.

“Walaupun buluh tergolong dalam keluarga rumput dan padi yang secara relatif mudah ditanam, pelaksanaannya dalam skala besar berdepan dengan beberapa isu, antaranya serangan penyakit, ancaman serangga perosak dan gangguan daripada haiwan rumina,” katanya.

Prof. Madya Dr. Ong berkata, ketika ini amalan agronomi bagi penanaman buluh masih bergantung kepada rujukan antarabangsa seperti yang dikeluarkan oleh International Bamboo and Rattan Organization (INBAR), tanpa garis panduan khusus bagi persekitaran tempatan yang mungkin menghadapi cabaran berbeza.

“Panduan yang lebih bersifat lokal diperlukan bagi memastikan kejayaan penanaman buluh secara komersial,” katanya.

Tambah beliau, usaha pembangunan industri buluh telah dimulakan sejak tahun 2007 menerusi Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH), dan diteruskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (2021–2025) menerusi Program Pembangunan Community Farming Buluh yang menawarkan sokongan kepada individu, koperasi, pertubuhan dan syarikat.

“Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) pula telah membangunkan Pelan Tindakan Pembangunan Industri Buluh Malaysia 2021–2030 yang memberi fokus kepada lima teras strategik